

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Setiap manusia yang dilahirkan mempunyai kecenderungan kepada pembelajaran. Ini kerana setiap manusia akan belajar daripada sesuatu yang dirinya tidak tahu kepada sesuatu yang baru bagi dirinya. Inilah proses pembelajaran atau dipanggil pendidikan.

Manusia akan belajar dari ia lahir sehinggalah ke liang lahat atau sehingga ia meninggal dunia. Konsep ini sering diungkapkan dengan ungkapan 'Pendidikan Sepanjang Hayat'.

Manusia mempelajari sesuatu melalui dua cara yang berbeza iaitu dengan secara tidak formal iaitu melalui kehidupan seharian bersama keluarga dan alam sekeliling. Cara yang kedua ialah dengan cara formal iaitu belajar di sesuatu tempat yang khusus seperti sekolah, maktab, pondok, institusi pengajian tinggi dan sebagainya.

Pendidikan memberikan peranan yang penting dalam merubah kehidupan seseorang individu. Pendidikan yang sempurna akan melahirkan manusia yang berilmu dan cemerlang. Pendidikan yang sempurna dan berterusan akan mewujudkan masyarakat yang mempunyai peradaban yang tinggi. Menurut Muhd. Nur Manuty, pendidikan amat penting untuk penyambungan, penerusan dan survival mana-mana umat. Pendidikan

merupakan alat terpenting bagi sesebuah masyarakat bagi mencapai pelbagai matlamat. (Muhd. Nur Manuty, 1984 : 45)

Bagi Ibn Khaldun Pengajaran ilmu adalah sangat-sangat diperlukan kerana adanya kesinambungan peradaban yang melimpah dan kesinambungan tradisi pengajaran ilmu pengetahuan itu sendiri (Ibn Khaldun, 1995 : 544). Sidi Gazalba pula menyatakan bahawa ilmu pengetahuan adalah asas tamadun dan penggerak kemajuan. (Sidi Gazalba, 1986 : 18)

Begitulah sebabnya pengkaji membuat kajian tentang peranan pendidikan (ilmu pengetahuan) dalam pertumbuhan dan perkembangan peradaban Melayu khususnya di zaman penjajahan yang mencabar dengan kemasukan fahaman sekular dan kebudayaan barat dalam pendidikan masyarakat Melayu.

1.2. Tujuan Kajian

Tujuan pengkaji membuat kajian tentang peranan pendidikan dalam pertumbuhan dan perkembangan peradaban Melayu di zaman penjajah adalah untuk mengetahui serta mengenal pasti beberapa perkara berdasarkan kepada faktor berikut :

1. Apakah peranan pendidikan atau ilmu pengetahuan di dalam sistem pendidikan Melayu yang menjadi asas kepada pertumbuhan dan perkembangan peradaban Melayu.

2. Untuk melihat sistem pendidikan masyarakat Melayu sebelum penjajahan yang melahirkan peradaban Melayu yang tinggi.
3. Kajian ini juga akan melihat kesan daripada perubahan sistem pendidikan tradisional masyarakat Melayu kepada sistem pendidikan sekular di zaman penjajah.
4. Untuk mengetahui sejauh manakah peranan sistem pendidikan sekular dan institusi pendidikan di zaman penjajah yang berperanan dalam proses pertumbuhan dan perkembangan peradaban Melayu yang baru.

1.3. Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi menjelaskan peranan pendidikan melalui pemahaman sejarah dan sistem pendidikan di zaman penjajah telah merubah dan mewujudkan masyarakat Melayu yang mempunyai acuan yang tersendiri melalui pengaruh dan juga agenda penjajah. Kajian ini juga cuba membandingkan peranan pendidikan tradisional masyarakat Melayu sebelum penjajah yang melahirkan peradaban Melayu dengan peranan pendidikan di zaman penjajah yang mungkin membantutkan peradaban Melayu yang sedia ada.

Penyelidikan ini cuba menampilkan bahawa peranan pendidikan barat yang mempunyai agenda tersendiri bagi menghapuskan peradaban Melayu yang bercorak peradaban Islam dengan menanamkan pendidikan sekular iaitu memisahkan ilmu agama dengan ilmu keduniaan bagi mengubah peradaban **Melayu Islam**

Pengkaji juga berminat pada tajuk ini kerana peradaban Melayu sebelum zaman penjajah iaitu peradaban Melayu Islam adalah dianggap peradaban yang kian meningkat maju. Namun setelah zaman penjajahan, peradaban Melayu hilang indentitinya dan akhirnya peradaban Melayu muncul sebagai peradaban Melayu berorientasikan Barat.

1.4. Kajian-Kajian Terdahulu

Kajian terdahulu banyak mempersoalkan tentang sejarah pendidikan zaman sebelum penjajah, zaman penjajah dan selepas penjajah. Mereka lebih menumpukan dalam aspek sejarah pendidikan dan juga aspek sejarah pendidikan tidak formal masyarakat Melayu.

Terdapat juga kajian yang telah dibuat hanya menumpukan tentang sistem pendidikan pondok atau sistem pendidikan Islam di zaman sebelum penjajah. Mereka telah mengkaji bagaimana pendidikan pondok atau pendidikan Islam berkembang dan peranan mereka dalam membentuk masyarakat Melayu zamannya.

Berikut merupakan antara pengkajian-pengkajian yang pernah dibuat kajian dan dihasilkan dalam buku, artikal, latihan ilmiah, disertasi dan lain-lain, seperti berikut :

Radcliffe David James. 1970. "***Education and Cultural Change Among the Malays 1900-1940***". Disertasi Ph.D.. Universiti Wisconsin
Disertasi ini memperkatakan tentang masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu sebelum Peperangan Pasifik, pendidikan vernakular serta pendidikan Inggeris di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, situasi masyarakat dan pendidikan di Ulu Langat, kemunculan semangat nasionalisme yang dipelopori oleh para pelajar Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) dan akhir sekali mengenai kemunculan pelbagai penerbitan seperti Majalah Guru, Chenderamata, akhbar Saudara dan sebagainya yang berperanan mengeluarkan masyarakat dari belenggu kejahilan dan kegelapan.

Awang Had Salleh, 1974, ***Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British***, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
Menerusi buku ini, beliau mengupas persoalan sistem pendidikan dan latihan perguruan di Tanah Melayu semasa penjajahan British. Pengkajian ini merupakan satu kajian terhadap pertumbuhan sekolah-sekolah Melayu yang diikuti dengan penubuhan maktab-maktab perguruan bagi menyediakan tenaga pengajar untuk sekolah-sekolah tersebut. Dalam pengkajian ini juga, tinjauan dibuat terhadap perspektif sejarah perkembangan pendidikan Melayu, matlamat dan tujuan pendidikan Melayu yang tersurat dan tersirat, sikap dan konsep pegawai-pegawai yang bertanggungjawab menjalankan

polisi pendidikan Melayu serta faktor-faktor yang tidak dirancang tetapi mampu menimbulkan fenomena-fenomena yang di luar dugaan dari Maktab Perguruan Sultan Idris

Awang Had Salleh 1977. ***Institusi Pondok di Malaysia***, Zainal Keling (ed.) ***Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Perubahan***, Utusan Publication, Kuala Lumpur. Di dalam artikel tersebut, pengarang memperihalkan tentang sejarah kemunculan, perkembangan, konsep pembelajaran yang menekankan pembelajaran seumur hidup serta identiti institusi pengajian pondok di Malaysia.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1978, "***Islam and Secularism***", Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kuala Lumpur. Buku ini ada menerangkan tentang unsur-unsur sekular yang menyerap masuk dalam kehidupan masyarakat Islam terutamanya dalam pendidikan. Pada mulanya, pengarang memperkatakan tentang latarbelakang masyarakat Barat yang beragama Kristian pada masa ini. Setelah itu, beliau membincangkan tentang istilah *secular*, *secularization* dan *secularism*. Kemudian, konsep agama dan asas akhlak dalam Islam diterangkan secara panjang lebar. Beliau juga memperihalkan dilema umat Islam yang terpaksa berdepan dengan ancaman budaya Barat serta agama Kristian. Akibatnya, umat Islam kehilangan adab iaitu disiplin dari segi roh, minda dan jasad. Kemudian, diterangkan cara-cara membuang unsur-unsur Barat dalam ilmu pengetahuan dan pendidikan lalu seterusnya menggantikannya dengan unsur-unsur Islam

Khoo Kay Kim (ed.), 1980, *Islam di Malaysia*. Persatuan Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur. Monograf ini memuatkan artikel-artikel mengenai institusi pengajian pondok, masjid, surau, sekolah agama rakyat dan madrasah serta ketokohan guru-guru institusi pengajian tersebut. Kemudian terdapat juga artikel tentang kedatangan Islam ke Malaysia dan perkembangannya termasuk di Sabah dan Sarawak. Pengkajian tentang kesenian Islam iaitu pembuatan ceramik China untuk penganut-penganut Islam juga dimuatkan dalam monograf tersebut. Selain dari itu, terdapat juga pengkajian tentang pentadbiran Islam di Perak, Persatuan Ulama Kedah dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

Muhammad Uthman El-Muhammady, 1983, "*Pondok Education As Indigenous Education*". Kertas Kerja di Seminar CAP, 18-22 November 1983, USM, Pulau Pinang (Vol.2. No.12) Pengkajian tersebut mengupas tentang sejarah kemunculan institusi pengajian pondok, cara pengajaran dan pembelajaran di institusi tersebut, tujuan serta sumbangan institusi pengajian pondok dalam bidang ilmu pengetahuan. Seterusnya pengarang mengemukakan beberapa cadangan untuk memperbaiki dan mengekalkan sistem pengajian pondok untuk faedah generasi akan datang.

Abu Zahari Abu Bakar, 1984, *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, Petaling Jaya. Melalui buku ini, pengarang memperihalkan tentang perkembangan pendidikan di Malaysia sejak zaman penjajahan British sehinggalah ke hari ini. Ini termasuklah sistem pendidikan vernakular, pembinaan semula

pendidikan semasa Tanah Melayu hampir mencapai kemerdekaan, setelah Tanah Melayu merdeka (iaitu pada tahun 1957 Masihi) dan perkembangan pendidikan setelah tertubuhnya Malaysia pada tahun 1963 Masihi dan situasinya kini.

Syarifah Zaleha Syed Hassan, 1985. "***From Saints to Bureaucrats : A Study of The Development of Islam in The State of Kedah***", Disertasi Ph.D., Universiti Cornell. Menerusi pengkajian tersebut, pengarang membincangkan tentang situasi masyarakat di Kedah sebelum dan selepas kedatangan Islam. Ini termasuklah keadaan masyarakat silam yang terpengaruh dengan kepercayaan Hindu, Buddha dan Anamisme. Kemudian, diceritakan pula mengenai kedatangan Islam yang membawa bersamanya kemajuan ilmu pengetahuan. Ini terbukti dengan kemunculan sekolah-sekolah agama dan institusi pengajian pondok di Kedah. Pada masa ini juga, berlaku hubungan erat antara Kedah dengan Asia Barat di mana masyarakat Islam di Kedah pergi mengerjakan haji ke Mekah setiap tahun. Kemudian, ditubuhkan pula pertubuhan birokrasi Islam dalam menghadapi dasar penjajah British yang memperkenalkan pemodenan dalam kehidupan. Pertubuhan itu terdiri daripada Majlis Agama Islam, Pejabat Ugama Daerah, Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam. Setelah itu, diterangkan pula tentang pelaksanaan undang-undang Islam di Kedah.

Abdul Halim Hj. Mat Diah, 1989, ***Pendidikan Islam Di Malaysia, Sejarah Dan Pemikiran***, Angkatan Belia Islam Malaysia, Kuala Lumpur. Buku ini membincangkan perihal pendidikan Islam di Malaysia secara am.

seterusnya pengarang memfokuskan tentang pendidikan tinggi Islam di Malaysia dalam bentuk pemikiran Islam dan peranan institusi pendidikan tinggi. Akhirnya pengarang memfokuskan pendidikan Islam di Kelantan menjelang tahun 2000.

Ramlah Adam, 1991, ***Maktab Melayu Melaka : 1900-1922***. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Pengkajian ini pada mulanya mengupas tentang sistem pendidikan masyarakat Melayu secara umumnya, kemudian membincangkan pula tentang perkembangan Maktab Melayu Melaka dari tahun 1900 hingga tahun 1922 dan akhir sekali membicarakan tentang tokoh-tokoh yang telah dilahirkan oleh maktab tersebut.

Abdul Latif Hamidong, 1993, ***Institusi Pondok Dalam Tradisi Budaya Ilmu, Tamadun Melayu***, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Kertas kerja ini membahaskan tentang pengajian pondok sebagai satu institusi tradisi budaya ilmu. Pengarang membincangkan secara terperinci mengenai konsep, pengertian, latarbelakang, bentuk pondok tradisional dan moden, kurikulum dan peranan pondok sebagai institusi pendidikan dalam masyarakat.

Abdullah Ishak, 1995, ***Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia***, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Buku ini pada peringkat awalnya memperihalkan tentang konsep dan matlamat pendidikan Islam seperti yang diajar oleh Rasulullah s.a.w., kemudian pengarang memperkatakan pula tentang kedatangan Islam yang mempengaruhi sistem

pendidikan masyarakat Melayu. Setelah itu, beliau membincangkan mengenai institusi pengajian pondok dan situasi pengajaran agama di sekolah-sekolah menengah kerajaan setelah Malaysia mencapai kemerdekaan.

Ramlah Adam. 1997. ***Sistem Pendidikan Pada Zaman Abdullah Munshi : Satu Kajian Kes***, Jurnal Pendidikan Melayu (Jilid 7) Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Artikel ini membincangkan tentang sistem pendidikan yang dilalui oleh Abdullah Munshi serta masyarakat pada masa tersebut dengan menggunakan buku Hikayat Abdullah, karangan Abdullah Munshi sendiri.

Zainal Abidin Borhan, 1997, ***Ilmu Pengetahuan Melayu : Perubahan dan Kesenambungan***, Kertas kerja di Forum Universiti Malaya - Universitas Sumatera Utara, Kuala Lumpur, 3-4 Januari 1997. Dalam pengkajian tersebut, beliau memperkatakan tentang ilmu pengetahuan paling awal dalam masyarakat Melayu termasuk pengetahuan mengenai alam lahiriah dan alam batiniah. Kemudian, beliau membicarakan pula mengenai perubahan dan kesinambungan yang berlaku terhadap ilmu pengetahuan tersebut setelah kedatangan Islam.

Azyumardi Azra, 1997, "***Education, Law, Mysticism : Constructing Social Realities***", Mohd. Taib Osman (ed.), "***Islamic Civilization In The Malay World***", Kuala Lumpur dan Istanbul : Dewan Bahasa dan Pustaka dan The Research Centre for Islamic History. Pengkajian ini membincangkan

tentang kerajaan Islam, pengajaran agama dan institusi pengajian agama di Alam Melayu. Kemudian, beliau memperkatakan pula tentang pertumbuhan madrasah, surau dan pesantren serta peranan ulama dalam memperkembangkan ilmu tasawuf dan tarekat. Setelah itu, dibicarakan pula mengenai undang-undang agama (Syariah) yang dijalankan oleh Sultan dan Khadi. Akhir sekali beliau memperkatakan tentang pertumbuhan ilmu Fiqah di Alam Melayu.

Ismail Hamid, 1997, "**Kitab Jawi : Intellectualizing Literary Trasion**", Mohd. Taib Osman (ed.), "**Islamic Civilization In The Malay World**", Kuala Lumpur dan Istanbul, Dewan Bahasa dan Pustaka dan The Research Centre for Islamic History, Art and Culture. Dalam pengkajian ini, pengarang memperihalkan tentang pusat-pusat pengajian Islam di Alam Melayu, peranan ulama dan cerdik pandai dalam bidang keilmuan, pemikiran-pemikiran teologi, konsep tentang Allah s.w.t. penciptaan alam, asal-usul manusia, sastera Melayu setelah kedatangan Islam serta bentuk-bentuknya. Sastera Islam dalam bahasa daerah beberapa suku kaum seperti Jawa, Bugis, Minangkabau, Sunda dan Aceh, peranan manusia dalam masyarakat, kedudukan wanita dalam masyarakat dan "*modernisme*" dalam Islam pada kurun ke 19 Masihi.

Hasan Madmarn, 1999, "**The Pondok And Madrasah in Patani**", Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Dalam buku ini, pengarang memperkatakan tentang institusi pengajian Islam di Patani. Ini termasuklah sejarah Patani sebagai pusat pengajian Islam yang terkenal di Alam Melayu,

sumbangan institusi pondok dan ulama, Patani dalam bidang ilmiah, peranan kitab-kitab Jawi dalam penyebaran ilmu-ilmu Islam, perubahan yang terpaksa dihadapi oleh sistem pondok dan kemunculan sistem pendidikan Madrasah serta peranan pemerintah Thailand dalam mengawal serta memperbaharui sistem pengajian Islam.

Suhanim Binti Abdullah, 2001, ***Sistem Pendidikan Tradisional Dalam Peradaban Melayu : Satu Analisis***, Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Di dalam penyelidikan tersebut pengkaji membincangkan konsep peradaban dan juga pendidikan tradisional Melayu sebelum kedatangan Islam dan selepas kedatangan Islam dan seterusnya membincangkan khusus bagi perkembangan pendidikan Islam iaitu sekolah pondok dan pengajian madrasah. Akhirnya pengkaji juga membincangkan perubahan yang dialami oleh pendidikan tradisional Melayu dan peranan pendidikan bahasa Melayu dalam peradaban Melayu serta prinsip-prinsip penting dalam sistem pendidikan tradisional yang mendukung survival peradaban Melayu.

Setelah meneliti kajian yang dilakukan oleh pelbagai pihak, ternyata kebanyakannya hanya mengkaji sebahagian dari pendidikan masyarakat Melayu. Ada yang hanya mengkaji mengenai sistem pondok, ada pula kajian yang hanya menyentuh tentang sistem pendidikan tidak formal, ada yang mengkaji mengenai sekolah mengaji al-Quran dan ada juga kajian tentang pendidikan vernakular Melayu. Di samping itu, sesetengah kajian hanya tertumpu di lokasi tertentu seperti di Kedah dan Patani. Semua kajian

tersebut dilakukan menurut perspektif pendidikan, pembangunan masyarakat dan perspektif sejarah. Ada juga kajian yang ditinjau dari sudut peradaban, tetapi hanya tertumpu terhadap salah satu aspek pendidikan tradisional Melayu. Oleh itu, sepanjang pengetahuan pengkaji, belum ada pengkajian yang menyentuh secara terperinci peranan pendidikan dalam peradaban Melayu pada zaman penjajah.

Berdasarkan pengamatan inilah, pengkaji akan membuat kajian mengenai peranan pendidikan zaman penjajah samada akan meningkatkan atau membantutkan lagi pertumbuhan dan perkembangan peradaban Melayu atau tidak. Kajian ini dikhususkan kepada pertumbuhan dan perkembangan peradaban Melayu melalui pendidikan atau penyebaran ilmu pengetahuan di zaman penjajahan yang masih mengekalkan sistem pendidikan Melayu berasaskan pondok dan sistem pendidikan barat yang mengutamakan akademik dan memisahkan ilmu agama dalam sistem pendidikan.

1.5. Skop Kajian

Tajuk kajian ini ialah : Peranan Pendidikan Dalam Pertumbuhan Dan Perkembangan Peradaban Melayu Pada Zaman Penjajahan. Berpandukan tajuk tersebut, pengkaji cuba membataskan kajian dengan memberikan penekanan terhadap peranan pendidikan atau sistem pendidikan yang dipengaruhi penjajah dan pengaruhnya serta kesannya dalam perkembangan dan pertumbuhan peradaban Melayu.

Untuk membezakan kesan dan pengaruh sistem pendidikan, pengkaji akan membuat kajian sistem pendidikan sebelum penjajah dan sistem pendidikan di zaman penjajah sebagai perbandingan. Di dalam sistem pendidikan di zaman penjajah juga tersembunyi agenda penjajah dan juga peranannya dalam mempengaruhi peradaban Melayu.

Dalam pengkajian ini, pengkaji memfokuskan kajian terhadap sistem pendidikan masyarakat Melayu sebelum penjajah yang melahirkan kegemilangan pusat peradaban Melayu. Perbandingan juga dibuat pada sistem pendidikan tradisional dengan sistem pendidikan sekular yang dibuat pada zaman penjajah dan kesan yang ditinggalkan oleh pendidikan moden kepada peradaban Melayu.

Selain itu juga pengkaji menjelaskan pengertian peradaban, ciri-ciri peradaban, hubung kait antara peradaban dengan pendidikan dan kegemilangan pusat peradaban Melayu.

Kajian ini hanya mencakupi peranan pendidikan dalam pertumbuhan dan perkembangan peradaban Melayu di Tanah Melayu dan pengkhususan pada zaman penjajah.

1.6. Metod Kajian

Metodologi bererti satu ilmu tentang cara mengadakan penelitian. Perkataan Metodologi berasal dari perkataan Yunani '*Metodos*' yang bermaksud cara dan perkataan '*logos*' yang bererti ilmu. Oleh yang demikian perkataan Metodologi boleh diertikan juga dengan maksud ilmu tentang cara.

Secara umumnya di dalam kajian yang jalankan ini, pengkaji menggunakan beberapa teknik penyelidikan dan metodologi yang pengkaji anggap mampu membuka jalan kepada kajian yang lebih mendalam dan berkesan. Teknik penyelidikan yang pengkaji gunakan adalah seperti berikut :

1.6.1. *Penyelidikan Perpustakaan*

Melalui penyelidikan cara ini, pengkaji mengumpul data-data dan maklumat-maklumat yang diperlukan melalui bahan-bahan bercetak seperti buku-buku ilmiah, jurnal, majalah, kertas kerja, keratan akhbar dan lain-lain bahan yang berkaitan.

Manakala Metod yang digunakan dalam penyelidikan cara ini adalah melalui :

1.6.1.1. Metod Pensejarahan

Pengkaji membuat penyelidikan tentang catatan-catatan peristiwa yang benar-benar berlaku di dalam kehidupan manusia yang mempunyai nilai-nilai dari perspektif sejarah. Pengkaji menggunakan metod ini terutama di dalam usaha menyingkap sejarah sistem pendidikan masyarakat Melayu sebelum dan ketika zaman penjajah.

1.6.1.2. Metod Dokumentasi

Metod ini bermaksud membuat penyelidikan dengan cara meneliti dan mengkaji sebarang bentuk dokumen dan pengkajian yang memberikan pelbagai keterangan. Metod ini digunakan untuk mengkaji maklumat-maklumat dari pelbagai bentuk dokumen berkaitan dengan tajuk yang dikaji terutama sekali di dalam menyimpulkan data-data yang diperolehi bersesuaian dengan pertumbuhan dan perkembangan peradaban Melayu pada zaman penjajah.

1.6.2. *Menganalisis Data*

Di dalam rangka menganalisis dan menyusun data-data yang telah diperolehi, pengkaji menggunakan metod-metod berikut :

1.6.2.1. Metod Induktif

laitu cara menganalisa data-data melalui pola berfikir dengan mencari pembuktian dan kesimpulan dengan berpandukan perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada kesimpulan yang bersifat umum.

1.6.2.2. Metod Deduktif

laitu cara menganalisa data-data dan melakukan pengkajian berdasarkan pola berfikir dengan mencari pembuktian dan kesimpulan dengan berpandukan kepada dalil yang umum terhadap perkara yang khusus.

1.6.2.3. Metod Komparatif

Metod ini digunakan untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi semasa penelitian dilakukan.

1.7. Persembahan Bab

Disertasi ini mengandungi enam bab dilengkapi dengan pendahuluan dan juga rumusan kajian.

Bab pertama mengandungi ide-ide umum mengenai tajuk ini termasuklah mengenai tujuan kajian, kepentingan kajian, kajian-kajian terdahulu, skop kajian dan juga metod kajian yang digunakan untuk disertasi ini.

Bab kedua membincangkan tentang konsep pendidikan dan kaitannya dengan peradaban dalam dunia masa kini dengan memfokuskan tentang asas pembinaan peradaban, ciri-ciri dan perkembangan peradaban secara am.

Bab ketiga memberi penekanan tentang pengertian dan konsep peradaban Melayu sebelum penjajahan yang gemilang. Bab ini juga membincangkan ciri-ciri peradaban Melayu dan kemunculan pusat-pusat peradaban Melayu.

Bab keempat pengkaji akan mempersembahkan pendidikan di Tanah Melayu dengan memberi penekanan pendidikan sebelum penjajahan. Perkara yang dibincangkan adalah pendidikan masyarakat Melayu sebelum dan selepas kedatangan Islam serta institusi-institusi pendidikan sebelum penjajah.

Bab kelima pula pengkaji cuba menyungkil sejarah pendidikan di Tanah Melayu khususnya sistem pendidikan di zaman penjajah dan seterusnya institusi pendidikan di zaman penjajah yang berperanan untuk

menjalankan agenda penjajah dalam sistem pendidikan bagi merubah dan menghapuskan peradaban Melayu.

Bab keenam disertasi ini disudahi dengan kesan penjajahan terhadap peradaban Melayu yang merangkumi kesan terhadap masyarakat melayu, kesan terhadap pendidikan Islam dan kesan terhadap bahasa Melayu, serta rumusan kajian dan cadangan untuk kajian lanjutan.

Semoga kajian ini memberi manfaat kepada pengkaji dan juga masyarakat untuk menilai peranan pendidikan dalam pertumbuhan dan perkembangan sesuatu peradaban.